

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan pihak PTPTN dalam membantu peminjam menstrukturkan bayaran balik pasca pandemik COVID-19 dalam langkah membantu meringankan beban kewangan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Atas keprihatinan kerajaan untuk membantu peminjam PTPTN yang terkesan akibat pandemik COVID-19, YB Menteri Pengajian Tinggi semasa sesi penggulungan Perbahasan Titah Diraja pada 4 Ogos 2020 mengumumkan pelanjutan tempoh moratorium kepada semua peminjam PTPTN bermula daripada Oktober sehingga Disember 2020. Sebelum ini kerajaan juga telah memberi penangguhan bayaran balik selama enam (6) bulan mulai 19 Mac 2020 sehingga 30 September 2020. Kedua-dua penangguhan ini memanfaatkan 1.5 juta peminjam dengan anggaran kutipan bayaran balik yang ditangguhkan sebanyak RM1.125 billion.

Dalam usaha mengurangkan beban peminjam juga, PTPTN sentiasa terbuka untuk berunding bagi menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman mereka. Selain itu, bagi kes-kes tertentu penangguhan bayaran balik boleh dipertimbangkan sehingga maksimum 24 bulan. Sekian, terima kasih.